

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN
MOHAMED**

KAWASAN : PULAI

TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 35

SOALAN

YB DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan yang sudah diterima di semua koridor ekonomi yang ditubuhkan dan berapakah jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengikut pecahan setiap koridor ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2014, jumlah pelaburan yang diterima di semua koridor-koridor ekonomi yang ditubuhkan adalah RM37.7 bilion. Pelaburan ini melibatkan 407 projek dan akan menyumbang sebanyak 42,257 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan, RM10.8 bilion atau 28.5 peratus adalah pelaburan domestik manakala RM27 bilion atau 71.5 peratus adalah pelaburan langsung asing (FDI).

Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah menerima pelaburan tertinggi pada tahun 2014 sebanyak RM13.7 bilion di mana RM4 bilion atau 29.5 peratus adalah pelaburan domestik, manakala RM9.6 bilion atau 70.5 peratus adalah FDI.

Butir-butir pelaburan domestik dan asing yang telah diterima mengikut pecahan setiap koridor ekonomi pada tahun 2014 adalah seperti berikut:

Koridor Ekonomi	Pelaburan Domestik (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Jumlah Pelaburan (RM juta)
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	4,030	9,630	13,660
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	2,415	5,596	8,011
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	2,370	548	2,918
Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE)	1,180	8,379	9,559
Iskandar Malaysia	766	2,845	3,612
Jumlah	10,761	26,998	37,760

Sumber: MIDA

Nota: Perangkaan mengikut koridor ekonomi tidak termasuk pelaburan di dalam sektor utama dan perkhidmatan.